



DPB50163 BUSINESS PROJECT

LAPORAN AKHIR

ARABIC SMART READER

NAMA	NO PENDAFTARAN
NADHIRAH BINTI ZAMRI	10DIB19F1047
NURUL NATASSYA BINTI MANSOR	10DIB19F1051
NUR HANIS SUFIAH BINTI MOHD ZUKI	10DIB19F1068
NUR SYAHIRAH BINTI MOHD FAUZI	10DIB19F1207

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PENGHARGAAN	IV
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Latar belakang kajian	3 - 4
1.3 Pernyataan masalah	5 - 7
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Justifikasi kajian	8
1.6 Skop projek	9
1.7 Takrifan Istilah	9 - 11
1.8 Kepentingan Kajian	11 - 12
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Kajian-Kajian Lepas	13 - 16

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	17
3.2	Rekabentuk Kajian	17
3.2.1	Tinjauan Awal Keperluan Kajian	18
3.2.2	Teknik Penghasilan Projek	18 - 33
3.2.3	Kaedah Pengumpulan Data	34
3.2.4	Kaedah Analisis Data	35 - 37

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	38
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	
4.2.1	Projek Jenis Nyata	38 - 40
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	40 - 41
4.3.1	Impak Produk	41 - 42
4.4	Kos Penghasilan Projek	43

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	44
5.2	Kesimpulan	44 - 45
5.3	Cadangan	45 - 46
5.4	Limitasi Kajian	46
5.5	Rumusan	47

RUJUKAN

47

LAMPIRAN

48- 51

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk *Arabic Smart Reader* telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN MAISURAH BINTI ABDUL MALIK

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:


Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF


Tandatangan Penyelaras:


Tarikh: 7 DISEMBER 2021


PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan: 
Nama: NADHIRAH BINTI ZAMRI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1047

2. Tandatangan: 
Nama: NURUL NATASSYA BINTI MANSOR
No. Pendaftaran: 10DIB19F1051

3. Tandatangan: 
Nama: NUR HANIS SUFIAH BINTI MOHD ZUKI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1068

4. Tandatangan: 
Nama: NUR SYAHIRAH BINTI MOHD FAUZI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1207

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPD50163 Business Project** yang bertajuk *Arabic Smart Reader*, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Puan Maisurah binti Abdul Malik, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, pihak berkolaborasi Tadika Anggerik Biru, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project**, *Arabic Smart Reader*, bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Di Malaysia, Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang dipelajari sebagai bahasa tambahan dan bukan sebagai bahasa yang rasmi yang dituturi. Namun, jika Bahasa Arab sudah didedahkan kepada kanak-kanak sejak umur dua tahun lagi, ia akan menjadi mudah bagi kanak-kanak tersebut meneruskan proses pemerolehan Bahasa Arab di peringkat-peringkat yang seterusnya. Isu yang dihadapi oleh murid adalah mereka tidak berminat dan sukar mempelajari Bahasa Arab dengan baik. Selain itu, isu guru serta ibu bapa yang tidak mempunyai bahan pengajaran tambahan yang menarik untuk mengajar murid tadika. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah murid tadika mengingati dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab dengan lebih mudah. Pengkaji mendapati bahawa terdapat seramai 20 orang responden yang terlibat dalam menganalisa dapatan kajian. Dapatan kajian yang dilakukan ialah pengkaji menyatakan analisis keberkesanan produk di mana pengkaji telah menyatakan item soalan yang diedarkan kepada responden untuk menguji keberkesanan *Arabic Smart Reader*. Seterusnya, pengkaji menjalankan kaedah analisis SWOT pada produk inovasi untuk menentukan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Hasil kajian yang dijalankan, pengkaji telah berjaya menghasilkan sebuah alternatif yang dapat membantu kanak-kanak di tadika mengetahui perkataan Bahasa Arab dengan lebih mudah. Seterusnya, kajian ini telah mencapai matlamat kajian, dengan menjawab persoalan kajian dari borang soal selidik yang telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data.

Kata kunci: *Bahasa Arab, flashcard, video animasi, bahan belajar*

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan juga justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh murid untuk mengenal perkataan dalam Bahasa Arab di tadika.

Secara umumnya kajian ini dijalankan di sebuah pusat tadika yang menjalankan perniagaan pendidikan awal kanak-kanak di Bandar Baru Perda, Bukit Mertajam. Jenis perniagaan adalah menawarkan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak yang bercorak inovatif, aktif dan holistik. Perniagaan ini tertumpu kepada kanak-kanak yang berumur 4 tahun hingga 6 tahun di Tadika Anggerik Biru.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan cara pembelajaran dalam mengingat dan menghafal perkataan Bahasa Arab dengan lebih mudah dengan menggunakan *flashcard* yang berserta kod QR yang memaparkan video animasi. Video animasi ini mempunyai suara yang menyebut perkataan Bahasa Arab tersebut dan terjemahan Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu. Hal ini dapat memberi kemudahan kepada guru dan juga ibu bapa untuk menarik minat kanak-kanak dalam mempelajari Bahasa Arab.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa Arab merupakan antara bahasa utama di dunia di mana ia berperanan penting dalam sejarah dan juga peradaban manusia. Namun, setiap orang mempunyai pilihan bahasa asing yang ingin dipelajari seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Perancis serta Bahasa Arab. Demikian itu, bagi orang Islam Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting untuk dipelajari dan didalami. Menurut Abd. Razak Abu Chik (2007) hanya Bahasa Arab yang masih digunakan dan berkembang hingga kini. Dengan itu, populasi penutur bahasa ini telah menjadi salah satu bahasa komunikasi utama di dunia.

Di Malaysia, Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang dipelajari sebagai bahasa tambahan dan bukan sebagai bahasa yang rasmi yang dituturi. Awatif (2017) di dalam kajiannya menyatakan bahawa penggunaan Bahasa Arab telah berjaya meletakkan dirinya di dunia antarabangsa selaras dengan perkembangan Islam. Menurut Rahimi, Zawawi dan Wan (2005) pula Bahasa Arab merupakan bahasa yang perlu dikuasai dalam pemahaman dan penghayatan Al-Quran serta meningkatkan pencapaian dalam pendidikan agama Islam.

Demikian itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti masalah murid-murid di tadika yang kurang mengingati dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab. Namun begitu menurut Ismail, Wan dan Azman (2013) penguasaan Bahasa Arab di kalangan masyarakat Malaysia secara umumnya dan juga di kalangan murid peringkat sekolah rendah khususnya belum mencapai tahap yang membanggakan. Menurut Dr. Lily Hanefarezan Asbullah (2021) yang dipetik dari *KOSMO Online* berkata dalam konteks pendidikan Bahasa Arab di Malaysia, penguasaan kosa kata merupakan aspek penting. Kemampuan menguasai kosa kata dapat mencerminkan penguasaan kemahiran sesuatu bahasa.

Menurut Mahasan Mahmood (2003) seiring dengan perkembangan teknologi dan inovasi dalam pendidikan, kaedah pengajaran yang berpusatkan guru seperti "*Chalk and Talk*" sudah tidak relevan lagi buat masa kini. Pada pendapat pengkaji, kaedah ini tidak berkesan dilakukan pada era globalisasi ini kerana ia dapat mengundang rasa jemu dan kurang daya tumpuan kanak-kanak semasa proses pembelajaran yang dijalankan. Namun, jika Bahasa Arab sudah

didedahkan kepada kanak-kanak sejak umur dua tahun lagi, ia akan menjadi mudah bagi kanak-kanak tersebut meneruskan proses pemerolehan Bahasa Arab di peringkat-peringkat yang seterusnya.

Pengkaji akui bahawa Bahasa Arab bukanlah satu bahasa yang mudah untuk dipelajari namun jika kaedah pembelajaran tepat dan mempunyai gaya pengajaran yang menarik serta cara penyampaian maklumat yang bagus maka kefahaman tentangnya akan menjadi lebih berkesan dan juga mudah untuk difahami. Pengkaji bercadang untuk mencipta satu alat bantuan mengajar Bahasa Arab iaitu *Arabic Smart Reader*. Alat ini merupakan *flash card* dibersertakan dengan kod QR dan ia dapat memaparkan video animasi yang menyuarakan perkataan Bahasa Arab tersebut serta terjemahan Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu. Dengan adanya *Arabic Smart Reader* ia dapat meningkatkan tahap minat murid melalui pendekatan gambar animasi yang menarik, audio dan video. Dengan itu, pengkaji percaya *Arabic Smart Reader* dapat memberi kesan positif melalui dalam pembelajaran terutamanya bagi pelajar yang lemah dalam mengingat perkataan dalam Bahasa Arab.

Selain itu, dengan adanya *Arabic Smart Reader* ia dapat membolehkan para pelajar mempelajari perkataan Bahasa Arab secara sendiri di era pandemik Covid-19. Ini kerana, terdapat sesetengah tadika tidak dapat dihadiri secara bersemuka di dalam bilik darjah. Antara kelebihan *Arabic Smart Reader* ialah dapat menggabungkan objek maya kedalam dunia nyata. Pengkaji berpandangan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab peringkat awal kanak-kanak perlu dirancang dengan teliti agar dapat menghasilkan suasana belajar yang menyeronokkan, menarik daya pemikiran kreatif kepada kanak-kanak serta dapat menyuburkan sikap positif terhadap Bahasa Arab.

1.2 PERNYATAAN MASALAH



THE USE OF FLASHCARD TO IMPROVE THE STUDENTS' VOCABULARY ACHIEVEMENT

Eva Syarifatus Sholihat, Ujang Suparman, Huzairin
Email: evasyarifata03@gmail.com

Abstract

Tujuan penelitian ini adalah untuk mengetahui apakah *flashcard* dapat digunakan untuk meningkatkan pencapaian kosakata siswa dan untuk menganalisis pelaksanaan pembelajaran melalui *flashcard*. Populasi dalam penelitian ini adalah siswa kelas dua MTs. Penelitian ini menggunakan *Pretest Posttest Satu Kelompok* dan para siswa diajar sebanyak tiga kali. Data di analisis menggunakan *t-test Pengukuran Berulang*. Nilai rata-rata pada pre-test adalah 55,65 meningkat menjadi 74,04 pada post-test. Hasil t-test menunjukkan bahwa t-ratio lebih tinggi daripada t-table ($16,183 > 2,069$) dengan signifikan level $p < 0,05$ dan signifikan 2-tailed $p = 0,000$. Dapat dikatakan bahwa *flashcard* dapat digunakan untuk meningkatkan pencapaian kosakata siswa.

The aim of this research is to find out whether flashcard can be used to improve the students' vocabulary achievement and to analyze the implementation of teaching vocabulary through flashcard. The population of this research was the second grade students of MTs. The researcher took VIII D as try out class and VIII as the experimental class. This research used *One Group Pretest Posttest Design* and the students were given three times treatments. The data were analyzed by using *Repeated Measure t-test*. The mean score in pre-test was 55.65 improve to 74.04 in post-test. The result of t-test showed that t-ratio was higher than t-table ($16.183 > 2.069$) with the level of significant was $p < 0.05$ and significant 2-tailed was $p = 0.000$. It can be said that flashcard can be used to improve the students' vocabulary achievement.

Keywords: *flashcard, improve, vocabulary achievement.*



Volume 1, No. 6, November 2018

p-ISSN 2614-6320
e-ISSN 2614-6258

TEACHING VOCABULARY USING FLASHCARD TO YOUNG LEARNER

Siti Ngarofah¹, Ani Sumarni²

¹ IKIP Siliwangi

² IKIP Siliwangi

¹laststory1428@gmail.com, ²sumarniani969@gmail.com

Abstract

This research entitled "teaching vocabulary using flashcard to young learners" is a study to investigate the influence of using flashcard in teaching vocabulary to students of grade four in elementary school. This study was done using pre-experimental research. There are three steps in doing research design. First, the writer gave pretest to the students of elementary school grade two as the dependent variable. Second, the writer implicate the treatment to the subjects by teaching vocabulary using flashcard. Final steps, the writer gave subjects posttest. The results of the research showed that there is an improvement in student's vocabulary mastery after the students were thought vocabulary mastery using flashcard. The students of elementary school grade two could memorize and understand easily and they were encouraged to learn English. Thus, the researcher could conclude that using flashcard in teaching vocabulary to the students grade two is recommended as teaching program to learn English.

Keywords: *Teaching Vocabulary, Flashcard, Young Learner*

INTRODUCTION

English is an International language, so people need to study this language for communicating with people in the world. To make a good communication, people should master vocabularies, grammar and correct pronunciation which can make it easier for people to understandable by the listeners. According to (Richards, 2001) one of important aspects in learning foreign language is vocabulary. English has been learned starting from elementary school to senior high school and of course at university.

They should learn English and be fluent in English for communication with many people in the world who have different language easily and also it would be very useful when we go travelling around the world. Based on that case, most people around the countries set English as the one of compulsory subject should be learned at school. In Indonesia, English is a foreign language. English has been stated as the first foreign language in Indonesia. In learning foreign language, vocabulary as one of essential things that should be considered even more important than grammar "Without grammar very little can be conveyed, without vocabulary nothing can be conveyed" (Wilkins, 1972) The more people know the vocabulary the more effective communication will be. According to this term people should enrich their vocabulary as much as possible. Beside mastering vocabulary, the pronunciation of each word and grammatical structure also must be concerned to prevent misunderstanding or misconception between the speakers and listeners.

Teaching Vocabulary Using Flashcard To Young Learner | 775

Pembelajaran Bahasa Arab penting untuk pendidikan awal kanak-kanak di negara yang pelbagai budaya seperti Malaysia. Justeru, guru tadika memainkan peranan penting dalam melaksanakan pendidikan pembelajaran Bahasa Arab di dalam kelas. Pembelajaran bahasa khususnya Bahasa Arab telah mendapat perhatian dalam kalangan pendidik pada masa kini. Menurut Mohd Ismail (2012) tugas utama seorang guru adalah untuk memudahkan pembelajaran semua murid. Dengan sebab itu, dalam memenuhi tugas tersebut para guru atau pengajar bukan sahaja menyediakan suasana pembelajaran yang menarik dan harmonis tetapi juga mereka harus mencipta satu pengajaran yang berkesan. Ini bermakna guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat merangsang minat murid disamping memikirkan keperluan murid. Dalam sesi pembelajaran, guru kerap berhadapan dengan murid yang berbeza dari segi kebolehan mereka seperti membaca, menghafal, mengenal pasti perkataan atau lain-lain lagi. Dalam hal ini, ia memerlukan kepakaran guru dalam menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Masalah penguasaan Bahasa Arab di dalam kalangan murid-murid tadika amat membimbangkan terutama dari kalangan ibu bapa. Kegagalan dalam subjek Bahasa Arab di tadika bukan sahaja menjejaskan prestasi murid di masa hadapan malah menjadikan mereka kurang memahami ilmu agama dengan baik. Di samping itu, mereka juga mempunyai kelemahan dalam menggunakan tatabahasa Bahasa Arab dengan betul. Oleh dari hal yang demikian, pihak pengkaji berpendapat bahawa jika mutu pendidikan dan tahap pencapaian murid dalam Bahasa Arab ingin dipertingkatkan maka Bahasa Arab perlu diterapkan bermula daripada peringkat tadika lagi. Ini sesuai dengan pepatah Melayu iaitu melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Hasil tinjauan yang dilakukan di Tadika Anggerik Biru, guru mendapati murid sukar menumpukan perhatian dan tiada minat dalam mempelajari Bahasa Arab. Selain itu, guru tidak mempunyai bahan pelajaran subjek tersebut yang lebih menarik untuk disampaikan kepada murid-murid di sana dengan lebih mudah. Dari permasalahan itu, mereka harus memperuntukkan masa yang lama untuk memastikan murid dapat mengenal pasti dan menghafal sesuatu perkataan dalam Bahasa Arab dengan baik. Dari masalah itu, pengkaji

mendapati sebilangan daripada tadika di Malaysia menghadapi masalah yang sama dengan Tadika Anggerik Biru.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk menyelesaikan masalah guru di Tadika Anggerik Biru dan juga ibubapa untuk menarik minat dan menguji minda-murid dalam mengingat dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab dengan lebih mudah. Sebagai penyelesaian dari masalah ini, pengkaji ingin mewujudkan satu bahan pembelajaran tambahan iaitu *Arabic Smart Reader* yang boleh digunakan oleh guru di tadika dan juga ibu bapa di rumah. *Arabic Smart Reader* merupakan *flashcard* dibersertakan dengan kod QR dan ia dapat memaparkan video animasi yang menyuarakan perkataan Bahasa Arab tersebut serta terjemahan Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu di *YouTube*. Ini kerana strategi pembelajaran menggunakan *flashcard* adalah lebih berkesan dalam membantu kanak-kanak menggunakan *flashcard* sama ada di tadika atau di rumah. Strategi pembelajaran *flash card* ini juga sangat popular dalam golongan guru kerana keberkesanannya (Ann Logsdon,2017). Ada pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan dengan *flashcard* ini mengikut fungsi *flashcard* tersebut seperti menguji memori, latih tubi, mengenalpasti objek dan perkataan dengan lebih mudah.

Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan semua golongan di tadika dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab berjalan dengan lancar

1.3 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini dijalankan untuk;

- 1) Mengenal pasti masalah murid tadika mengingat dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab dengan lebih mudah.
- 2) Mencadangkan *flashcard* berserta *qr code* yang memaparkan video animasi dalam menterjemahkan Bahasa Arab sebagai bahan pelajaran kepada guru dan juga ibu bapa untuk menarik minat pelajar tadika .

1.4 JUSTIFIKASI PROJEK

1.4.1 Justifikasi Subjek

Pengkaji memilih Tadika Anggerik Biru yang bertempat di Bukit Mertajam, Pulau Pinang untuk mengkaji sistem pembelajaran Bahasa Arab di tadika tersebut. Pengkaji memilih untuk mengkaji masalah ini kerana murid-murid di Tadika Anggerik Biru mempunyai kelemahan dalam mengenal, mengingat dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab. Sistem pembelajaran pelajar agak lemah dalam pelajaran Bahasa Arab disebabkan pihak yang kurang berusaha untuk melakukan sesuatu kelainan untuk menarik minat pelajar. Pihak guru dan ibubapa perlu diberi pendedahan mengenai kanak-kanak yang mempelajari Bahasa Arab agar pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektif yang diinginkan. Oleh itu, kaedah terbaik hanyalah dengan mewujudkan sesuatu yang dapat menarik murid-murid dalam pelajaran Bahasa Arab. Terdapat pelbagai kepentingan dalam mempelajari Bahasa Arab. Hal ini kerana, kitab pegangan umat Islam iaitu Al-Quran ditulis dalam Bahasa Arab dan hadis daripada Rasulullah SAW juga diriwayatkan dalam Bahasa Arab. Antara ayat al-Quran yang menjadi paksi perbincangan isu-isu berkaitan Bahasa Arab ialah ayat al-Quran dalam surah Yusuf iaitu Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Sesungguhnya KAMI turunkan ia (Al-Quran) sebagai bacaan berbahasa Arab agar kamu semua berfikir.*” (Surah Yusuf: 12:2).

1.4.2 Justifikasi SWOT

Pengkaji menjelaskan bahawa kajian ini bertujuan untuk menarik minat pelajar serta memudahkan pelajar dengan mewujudkan satu bahan pembelajaran menggunakan *flashcard* berserta kod QR yang memaparkan video animasi dalam menterjemahkan bahasa Arab. Dengan itu, murid-murid tadika akan lebih teruja dan tertarik serta dapat meningkatkan kefahaman murid dalam mempelajari Bahasa Arab. Oleh itu, bahan pembelajaran Bahasa Arab pada peringkat awal kanak-kanak perlu dirancang dengan teliti agar menghasilkan suasana belajar yang menyeronokkan dan merangsang daya pemikiran kreatif kanak-kanak. Seterusnya, dapat menarik penglibatan kanak-kanak serta menyuburkan sikap positif terhadap Bahasa Arab.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang Bahasa Arab yang membincangkan berkaitan isu masalah yang dihadapi oleh murid untuk mengenal perkataan dalam Bahasa Arab di Tadika Anggerik Biru yang terletak di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini juga membincangkan berkaitan kaedah pengajaran guru dan ibubapa untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab. Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada tiga objektif utama. Pertama, untuk menanam minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab khususnya dalam berkomunikasi. Kedua, untuk mengenal pasti masalah murid tadika mengingati dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab. Seterusnya, analisis ini pada hasilnya bertujuan menjawab objektif ketiga iaitu mencadangkan penghasilan bahan pembelajaran dengan menggunakan *flashcard* beserta kod QR yang memaparkan video animasi dalam menterjemahkan Bahasa Arab untuk menarik minat pelajar tadika. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia dibataskan dari dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi masalah yang dihadapi oleh murid tadika dan mencipta satu bahan pengajaran yang dapat menarik minat murid. Manakala, batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian.

1.6 TAKRIFAN ISTILAH

1.6.1 Bahasa Arab

Menurut Nurul Dico Hudani Utomo (2020) Bahasa Arab adalah alat komunikasi yang digunakan oleh orang ramai terutamanya di rantau Arab seperti Timur Tengah, Afrika dan juga beberapa negara di Asia dan Eropah. Bahasa Arab adalah bahasa yang paling terkenal di dunia kerana sebilangan besar perbendaharaan kata, lafadz dan maknanya dan menjadi salah satu bahasa yang dapat memahami makna makan yang jelas. Bahasa Arab dipanggil *lughotud dhot*, bahasa yang mengalir, yang skopnya sangat luas dan jelas penjelasan. Bahasa Arab mempunyai keistimewaan dan kelebihan bahasa lain seperti menjadi bahasa abadi (kerana bahasa Arab menjadi bahasa al-Quran dan al-Quran akan kekal sehingga ke hari akhirat) atau digunakan oleh manusia di dunia dan akhirat. Ia adalah salah satu bahasa yang digunakan untuk kesusasteraan dan ibadat dalam Islam.

Nurul Dico Hudani Utomo (2020)

Sumber dari artikel

1.6.2 *Flashcard*

Flashcard adalah satu medium pembelajaran dalam bentuk kad gambar yang kira-kira bersaiz 12 x 8.5 cm. Gambar dalam *flashcard* adalah satu siri mesej yang dibentangkan dengan soalan dan jawapan (Indriana, 2011). Chatib (2011), menjelaskan bahawa *flashcard* adalah kad yang mengandungi imej. Windura (2010) juga menyatakan bahawa *flashcard* adalah kad yang digunakan untuk menghafal dan mengulangkaji semula dalam proses pembelajaran.

Rahel Ika Primadini Maryanto, Imanuel Adhitya Wulanata Christianto (2017). *Penggunaan Media Flashcard Untuk Meningkatkan Pengenalan Bentuk Huruf Siswa Kelas 1 Pada Mata Pelajaran Bahasa Indonesia Di Sekolah ABC Manado.*

Sumber dari jurnal

1.6.3 Kod QR

Menurut satu artikel yang ditulis oleh Hairil Azlan (2012) Kod QR adalah sejenis kod bar generasi kedua merupakan sejenis penyimbolan dua dimensi yang telah dibangunkan oleh sebuah syarikat Jepun Densi Wave dan telah dikeluarkan pada tahun 1994. QR adalah singkatan frasa bahasa Inggeris quick response iaitu tindak balas cepat. Kod QR dapat menyimpan lebih banyak maklumat kerana ia mengandungi maklumat secara menegak dan mendatar. Kod ini terdiri dari modul hitam disusun dalam bentuk segi empat pada latar putih. Penggunaan kod QR membolehkan maklumat dihantar dari dunia fizikal ke alat mudah alih.

Hairil Azlan (2012)

Sumber dari artikel

1.6.4 Video animasi

Video animasi adalah medium yang menggabungkan media audio dan media visual untuk menarik perhatian pelajar, dapat membentangkan objek secara terperinci dan dapat membantu memahami pelajaran yang sukar.

Muhammad Ridwan Apriansyah (2019). *Pengembangan Media Pembelajaran Video Berbasis Animasi Mata Kuliah Ilmu Bahan Bangunan Di Program Studi Pendidikan Teknik Bangunan Fakultas Teknik Universitas Negeri Jakarta.*

Sumber dari jurnal

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini difokuskan kepada pelajar Tadika Anggerik Biru di Bandar Perda Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini berharap dapat memberi manfaat kepada pelajar tadika tentang pembelajaran melalui *Arabic Smart Reader*. Hasil daripada kajian ini dapat meningkatkan pengenalan bentuk huruf dan perkataan yang betul kepada pelajar agar pelajar dapat menyebut dan mengingati perkataan tersebut dengan betul. Selain itu, penggunaan *flashcard* juga dapat merancang minat dan pemikiran otak murid dalam proses pembelajaran. Melalui satu artikel yang ditulis oleh Ning Aliya (2017) Dr Glenn Doman (1956) menyatakan bahawa apabila mengajar berdasarkan bagaimana otak belajar atau menerima maklumat, pembelajaran akan menjadi lebih cepat dan lebih berkesan. Dr Glenn Doman juga mendapati bahawa kanak-kanak seawal usia 6 bulan juga boleh diajar apa sahaja jika ia serasi dengan cara otak belajar dan jika ia diajar dalam keadaan yang menyeronokkan. Penggunaan *flashcard* boleh membantu merangsang otak murid serta mendidik mereka untuk menjadi individu yang lebih bijak pada masa akan datang.

Disamping itu, hasil daripada kajian ini juga memberi kemudahan yang bermanfaat kepada guru, ibu bapa dan orang ramai sebagai bahan pembelajaran efektif yang dapat mempertingkatkan minat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat memahami secara lebih mendalam tentang tajuk yang diajar kerana ia memaparkan gambar dan perkataan yang menarik pada *flashcard* disertakan dengan video animasi terjemahan Bahasa Arab untuk mempermudah penyampaian pembelajaran melalui gambar dan video yang dipaparkan. Ia juga dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih mudah, cepat serta menarik minat murid dalam kesungguhan untuk belajar.

Kesimpulannya, hasil kajian ini dapatlah digunakan sebagai bahan dalam proses pembelajaran dalam mengajar murid tadika dengan ejaan dan cara yang betul oleh guru-guru dan ibubapa. Pembelajaran akan menjadi lebih mudah, berkesan dan berjaya. Seterusnya, murid-murid tadika akan dapat menguasai teknik penulisan dan menghafal serta penguasaan Bahasa Arab dengan lebih cekap. Selain itu, hasil kajian ini diharap akan menjadi asas panduan dan sumber inspirasi kepada para pengkaji akan datang untuk menghasilkan kajian yang lebih menarik dan terperinci lagi agar semua kelemahan yang ada pada para murid dalam mengenal dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab akan dapat dikurangkan satu hari nanti.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu masalah murid tadika mengingati dan menghafal dalam Bahasa Arab. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab serta kajian berkaitan keberkesanan *flashcard* atau kad imbasan.

2.2.1 Kajian Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Terdapat lima kajian berkenaan pengajaran dan pembelajarn Bahasa Arab yang ditemui oleh penyelidik. Kajian oleh Abdul Razif Zaini (2017) menumpukan isu pembelajaran Bahasa Arab yang sering berlaku dalam kalangan guru Bahasa Arab di Malaysia. Tujuan kajian tersebut dijalankan untuk membincangkan secara terperinci tentang permasalahan dalam pengajaran Bahasa Arab. Seterusnya, dalam kajian Hairun Najuwah Jamali, Wazzainab Ismail dan Awatif Abdul Rahman (2020) telah membincangkan tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab secara dalam talian berdasarkan pengalaman yang telah dilalui oleh penulis bersama 57 orang pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertujuan untuk membincangkan tentang cabaran, dan kelebihan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam talian ketika

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan. Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Janel Opal Rose (2016) ada menyatakan bahawa penggunaan bahan dan alat bantu mengajar yang sesuai dan menarik adalah amat penting digunakan dalam pembelajaran begitu juga dengan pembelajaran Bahasa Arab bagi menarik minat pelajar dalam menguasai bahasa dengan lebih baik dan berkesan. Oleh itu, bahan dan alat bantu mengajar menjadi teras dan berfungsi sebagai fokus utama untuk semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, melalui kajian Hazrul Affendi Mohamad Razali (2019) mendapati bahawa tahap penguasaan Bahasa Arab masih berada pada tahap lemah dalam kalangan pelajar walaupun pengajaran Bahasa Arab telah didedahkan sejak peringkat awal persekolahan. Menjelaskan konsep pengajaran berkesan dan mengenal pasti elemen utama pengajaran berkesan Bahasa Arab adalah tujuan kajian ini dilakukan. Justeru itu, proses pengajaran yang dikendalikan oleh tenaga pengajar yang menguasai ilmu yang diajar bertujuan untuk mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan melalui modul, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang tepat adalah pengajaran yang berkesan. Akhir sekali, Azlin Ariffin @ Riffin dan Muhamad Suhaimi Taat (2020) telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara sikap murid dan pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Instrumen adalah menggunakan borang soal selidik dan set ujian bertulis terhadap 200 orang pelajar Sekolah Rendah di Sabah.

2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Kad Imbasan

Kajian yang dilakukan oleh Nurriswin Jumadi dan Siti Norzekhan Che Aziz (2020) telah membentuk produk inovasi bernama *TeraBest* yang merupakan kad imbas berbentuk grafik dan penerangan. *TeraBest* berfungsi untuk menunjukkan langkah-langkah yang betul untuk membuat aktiviti pelarasan sementara. Tujuan utama inovasi kad imbas tersebut dijalankan kerana banyak masalah yang timbul semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berlangsung iaitu pelajar lemah dalam mengingat langkah-langkah (SOP) untuk membuat pelarasan sementara seterusnya akan cenderung untuk menghadapi kelemahan menguruskan masa. Dapatan kajian mendapati bahawa kad imbas *TeraBest* dapat mengubah suasana PdP menjadi lebih menarik dan seterusnya dapat menjimatkan masa pelajar dan pensyarah.

Seterusnya, Rosnah bt Yunus (2016) telah membuat kajian terhadap enam orang murid terpilih yang sangat lemah dalam kemahiran membaca suku kata Jawi setelah ujian diagnostik dijalankan ke atas 24 orang murid tahun 5 Yakin di Sekolah Kebangsaan Parit Jawa, Muar. Kajian dilakukan kepada murid dengan menggunakan kaedah ujian diagnostik, pemerhatian, ujian pra dan ujian pos serta temu bual. Maklumat dan maklum balas daripada pelajar telah dikumpul setelah menggunakan kaedah kad imbasan bergambar. Dapatan kajian mendapati penggunaan kad imbasan berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi kerana keputusan ujian menunjukkan peningkatan sebanyak 83% setelah menggunakan kad imbasan bergambar.

Selanjutnya, kajian N.Hashim, H.Saleh dan Syahirah Almuddin (2016) yang bertujuan untuk mengkaji sejauhmana keberkesanan bahan bantu mengajar *powerpoint*, gambar dan kad imbasan dalam pembelajaran Bahasa Arab j-Qaf murid tahun lima. Kajian telah dijalankan terhadap 60 orang murid Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Klang, Selangor sebagai responden kajian. Ujian telah dijalankan kepada responden kajian dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan secara rawak untuk mendapatkan keputusan tentang keberkesanan bahan bantu mengajar. Kumpulan rawatan mengalami proses pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar iaitu *powerpoint*, gambar dan kad imbasan, manakala kumpulan kawalan menggunakan proses pembelajaran mereka seperti biasa. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan skor kumpulan yang didedahkan dengan bahan bantu mengajar lebih tinggi daripada kumpulan yang tidak didedahkan dengan bahan bantu mengajar. Ini menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar amat berkesan bagi meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran murid.

Menurut Hafizah Ramlee dan Aliza Alias (2017) kanak-kanak masyarakat Orang Asli tidak dapat menguasai kemahiran membaca sejak awal persekolahan kerana ketinggalan dalam banyak perkara dan ini menyebabkan kumpulan ini keciciran dalam bidang pendidikan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan kad imbasan dalam kalangan kanak-kanak prasekolahan Orang Asli. Seramai 25 orang responden dari sekolah Orang Asli di Daerah Kuala Lipis telah terlibat sebagai sampel kajian. Dapatan daripada kajian mendapati ramai kanak-kanak yang dapat mengenal dan menguasai abjad dengan penggunaan kad imbasan. Akhirnya, Azma ML (2017) menyatakan dalam artikelnya bahawa Datuk Dr

Sheikh Muzaphar mendedahkan teknik kad imbasan boleh membantu anak membaca seawall usia tiga tahun. Beliau menggunakan teknik itu kepada dua anak perempuan beliau iaitu Bella dan Tasha dan terbukti berkesan apabila anaknya Bella berupaya membaca pada usia tiga tahun dan anak keduanya Tasha pada usia tiga tahun setengah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN


Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan *flashcard* beserta kod QR sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan produk/inovasi) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data. Kajian yang pengkaji sedang jalankan adalah bertujuan untuk mengkaji Tadika Anggerik Biru di mana tadika ini mempunyai masalah dalam sistem pembelajaran Bahasa Arab. Jadi, pengkaji sedang menjalankan kajian dan penyiasatan bagi masalah ini adalah untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Oleh itu, rekabentuk kajian ini adalah pengkaji akan mewujudkan satu bahan berkenaan tadika ini. Fungsi bahan ini adalah untuk mewarkan tentang kemudahan menggunakan bahan tersebut. Pengkaji akan mewujudkan kemudahan untuk para guru dan ibu bapa dalam sistem pengajaran dengan menghasilkan gambar yang menarik dan bergerak supaya dapat menarik minat murid dalam mempelajari Bahasa Arab. Oleh itu, Tadika Anggerik Biru akan mempunyai sistem pembelajaran Bahasa Arab dengan lebih baik.

3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Dalam penyelidikan mengenai isu penggunaan perkataan Bahasa Arab yang kurang digunakan dalam kalangan kanak-kanak mahupun para remaja. Sehubungan dengan itu, analisis keperluan kajian berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan dalam kalangan komuniti ibu bapa bertujuan mengenal pasti tentang isu kajian yang dibuat sama ada memenuhi keperluan ataupun tidak. Tinjauan awal dijalankan ke atas 20 orang responden iaitu terdiri daripada lelaki dan perempuan. Pengumpulan data dilakukan melalui kajian soal selidik secara atas talian. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.



Rajah 3.1 Carta pai peratusan jantina

3.2.2 Kaedah / Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk ini juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya.

Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk *flashcard* iaitu *Arabic Smart Reader*.

Langkah 1

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan.




Rajah 3.2 Perbincangan isi kandungan bersama ahli kumpulan


Pengkaji memulakan perbincangan tentang proses penyediaan *flashcard* dan pembangunan video animasi melalui panggilan video di *Whatsapp*.

Langkah 2

Pengkaji mencari dan mengambil maklumat di *Google*.



Rajah 3.3 Pencarian gambar binatang di *Google*



Rajah 3.4 Pencarian gambar latar belakang di *Google*

9:44 AM Wed 15 Dec | ilmuakademika.id

DAFTAR ISI PERKENALAN DIRI MUFRODAT PERCAKAPAN KARANGAN KATMUT

serangga. semoga dapat mudah diingat dan dihafal yaa sahabat.

Berikut di bawah ini daftar 80 Kosakata Bahasa Arab Tentang Nama-nama Hewan dan Artinya:

الترجمة	المفردات	الرقم
Ayam jantan	دِيكٌ	1.
Ayam betina	دِجَاجَةٌ	2.
Bebek	بِطَّةٌ	3.
Angsa	إِبْرُؤَةٌ	4.
Kucing	فِطْرٌ	5.
Kelinci	أَرْنَبٌ	6.
Kambing	عَنْمٌ	7.
Kambing Hutan	وَعْلٌ	8.
Domba	مَاعِزٌ	9.
Sapi Jantan	ثَوْرٌ	10.
Sapi Betina	بَقْرَةٌ	11.

Rajah 3.5 Pencarian terjemahan perkataan dalam Bahasa Arab


Pengkaji telah mencari dan mengambil gambar-gambar binatang dan latar belakang pemandangan untuk digunakan dalam proses pembangunan video dan *flashcard* di *Google*. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan terjemahan perkataan dalam Bahasa Arab di *Google*.

Langkah 3


Pengkaji memulakan proses pembangunan video.



Rajah 3.6 Penyusunan gambar haiwan



Rajah 3.7 Proses mengeksport *powerpoint* kepada video



Rajah 3.8 Penambahan rakaman suara pengkaji dan bunyi muzik latar belakang

Pengkaji menyusun gambar-gambar binatang dengan kemas dan memasukkan terjemahan perkataan binatang tersebut dalam bahasa melayu dan Bahasa Arab dan mengeksport *powerpoint* tersebut kepada video. Seterusnya, pengkaji memasukkan rakaman suara pengkaji


yang menyebut perkataan tersebut dan menambah rakaman suara haiwan berserta muzik latar menggunakan aplikasi VN.

Langkah 4


Pengkaji memuat naik video dalam aplikasi *YouTube*.



Rajah 3.9 Meletakkan tajuk video



Rajah 3.10 Penetapan penonton




Rajah 3.11 Memuat naik video


Pengkaji kemudiannya meletakkan tajuk video serta penetapan tontonan dan memuat naik video animasi yang telah siap disunting ke dalam aplikasi *YouTube* dan meletakkan tajuk Arabic Smart Reader: Kami Sayang Haiwan dan membuat penetapan penonton. Setelah selesai, pengkaji memuat naik video tersebut

Langkah 5


Pengkaji memulakan proses penghasilan kod QR




Rajah 3.12 Penyalinan link video




Rajah 3.13 Laman web QRCode Monkey




Rajah 3.14 Menampal link di ruangan yang disediakan



Rajah 3.15 Pemilihan template kod QR



Rajah 3.16 Kod QR telah siap dihasilkan




Rajah 3.17 Memuat turun kod QR

Pengkaji menyalin link video animasi yang telah dibangunkan oleh pengkaji di *YouTube* untuk proses pembinaan kod QR. Setelah itu, Pengkaji membina kod QR di laman web *QRCode Monkey* dengan menampal link video tersebut dan memuat turun kod QR tersebut setelah selesai.

Langkah 6

Pengkaji memulakan proses penghasilan *flashcard*.




Rajah 3.18 Melakar reka bentuk *flashcard*




Rajah 3.19 mengedit *flashcard* di aplikasi Canva.



Rajah 3.20 Pengkaji sedang *mengedit* menggunakan komputer



Rajah 3.21 Pengkaji memotong *flashcard*



Rajah 3.22 Mencetak *flashcard*.



Rajah 3.23 Laminasi *flashcard*.




Rajah 3.24 Pemotongan *flashcard* yang di laminasi


Untuk penghasilan *flashcard*, pengkaji memulakan proses dengan melakar reka bentuk *flashcard* di kertas terlebih dahulu sebelum menyunting di dalam aplikasi Canva. Selepas siap menyunting, pengkaji mencetak dan melaminasi *flashcard* tersebut untuk menjaga kualiti agar tidak rosak dan seterusnya memotong mengikut saiz yang telah ditetapkan.

Langkah 7


Pengkaji mencuba penggunaan *Arabic Smart Reader*.




Rajah 3.25 Pengkaji cuba mengimbasikan kod QR



3.26 Kod QR sedang dimbas



3.27 Kod QR sedang dimbaskan ke *YouTube*



3.28 Video animasi sedang ditayangkan

Untuk mengkaji keberkesanan penghasilan *flashcard*, pengkaji memulakan dengan cuba mengimbaskan kod QR yg terdapat di *flashcard* terlebih dahulu. Kemudian, kod QR sedang dimbaskan ke aplikasi *YouTube*. Selepas itu, video animasi yang dihasilkan oleh pengkaji ditayangkan.

3.2.3 Kaedah Pengumpulan Data

BILANGAN	SOALAN	DATA		
1	Adakah penting dalam mempelajari Bahasa Arab bermula pada peringkat rendah?	Ya	60%	12 orang
		Tidak	40%	8 orang
2	Adakah anak anda mengetahui tentang perkataan dalam terjemahan Bahasa Arab?	Ya	50%	10 orang
		Tidak	50%	10 orang
3	Adakah Bahasa Arab mudah difahami semasa proses pembelajaran berlaku?	Ya	15%	3 orang
		Tidak	85%	17 orang
4	Adakah anda bersetuju penghasilan video dapat menarik minat murid tadika daripada kebosanan?	Ya	85%	17orang
		Tidak	15%	3 orang
5	Pada pendapat anda, adakah penghasilan flash card dapat membantu murid dalam proses pembelajaran di kelas?	Ya	90%	18 orang
		Tidak	10%	2 orang

Jadual 3.1 Data soal selidik

Pengkaji mendapati bahawa terdapat seramai 20 orang responden yang terlibat dalam menganalisa dapatan kajian tentang kepentingan mempelajari Bahasa Arab bermula pada peringkat rendah. Terdapat sebanyak 60% (12 responden) yang menjawab ya dan 40% (8 responden) yang menjawab tidak. Seterusnya, terdapat 50% (10 responden) yang menjawab ya dan 50% (10 responden) menjawab tidak tentang pengetahuan anak mereka dalam menterjemah perkataan dalam Bahasa Arab. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa terdapat

seramai 20 orang responden yang terlibat dalam menganalisa dapatan kajian tentang pemahaman Bahasa Arab dalam proses pembelajaran. Terdapat sebanyak 85% (17 responden) yang menjawab tidak dan 15% (3 responden) yang menjawab ya. Terdapat 85% (17 responden) responden bersetuju penghasilan video dapat menarik minat murid tadika daripada kebosanan manakala 15% (3responden) tidak bersetuju. Akhir sekali, terdapat 90% (18 responden) bersetuju bahawa flashcard dapat membantu kanak-kanak semasa proses pembelajaran di kelas manakala 10% (2 responden) tidak setuju.

3.2.4 Kaedah Analisis Data

i- Borang soal selidik

Bagi mendapatkan maklumat awal analisis keperluan kajian, pihak pengkaji mencipta borang soal selidik kepada guru dan ibu bapa yang mempunyai anak di pengajian rendah bagi mendapatkan maklumat serta pendapat dalam menyelesaikan masalah pembelajaran dalam Bahasa Arab. Terdapat 5 soalan utama dalam borang ini. Soalan pertama adalah ‘Adakah penting dalam mempelajari Bahasa Arab bermula pada peringkat rendah?’ Soalan kedua pula adalah ‘Adakah anak anda mengetahui tentang perkataan dalam terjemahan Bahasa Arab?’ Seterusnya soalan ketiga adalah ‘Adakah Bahasa Arab mudah difahami semasa proses pembelajaran berlaku?’ Daripada keputusan soalan tersebut, 17 daripada responden menjawab tidak bersetuju bahawa subjek Bahasa Arab mudah difahami semasa proses pembelajaran berlaku di dalam kelas. Pengkaji dapat merumuskan bahawa pembelajaran Bahasa Arab di dalam kelas mahupun di rumah adalah tidak mudah kepada murid untuk mempelajarinya tanpa bahan pelajaran yang menarik. Soalan keempat adalah ‘Adakah anda bersetuju penghasilan video dapat menarik minat murid tadika daripada kebosanan?’ Soalan terakhir adalah ‘Adakah anda bersetuju penghasilan *flashcard* dapat membantu murid dalam proses pembelajaran di kelas?’ Daripada keputusan soalan tersebut, 18 daripada responden menjawab ya. Hal ini jelas bahawa penghasilan *flashcard* sangat membantu murid dalam proses pembelajaran di kelas mahupun di rumah.

Seterusnya, 20 orang menjawab kepada soalan soalan yang diberikan iaitu 10 lelaki dan 10 perempuan. Dalam soal selidik yang telah dijalankan, pengkaji dapat simpulkan bahawa bahan pengajaran adalah masalah utama di tadika tersebut. Bahan pengajaran Bahasa Arab yang didapati di tadika tidak cukup untuk menarik minat murid dalam mempelajarinya atas beberapa faktor. Antaranya bahan tersebut hanyalah sekadar semata menterjemahkan Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu dan juga tiada gambar yang menarik di dalam buku pembelajaran. Selain itu ibu bapa di rumah tidak dapat mengajar anak-anak mereka dengan mudah. Ini kerana sesetengah daripada ibu bapa mengharapkan guru di sekolah dan juga bahan bacaan dari luar untuk mengajar anak mereka. Seterusnya pengkaji mendapati murid tadika lebih tertarik untuk belajar melalui video, animasi atau sebaliknya yang menarik perhatian mereka. Oleh itu, pihak pengkaji bersetuju untuk menghasilkan satu bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran yang terkini kepada golongan murid tadika terutamanya di Tadika Anggerik Biru iaitu *Arabic Smart Reader* yang mengandungi video animasi dalam menterjemahkan Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu dengan lebih mudah dan menarik.

ii- Kaedah membangunkan produk

Media *flashcard* adalah media pembelajaran berbentuk kad gambar berukuran 12x8.5 cm. Gambar-gambar pada *flashcard* merupakan rangkaian mesej yang disampaikan dengan penerangan setiap gambar yang disertakan di bahagian belakang kad. Terjadinya produk inovasi iaitu *flashcard* berserta kod QR yang berkhaskan video animasi dalam Bahasa Arab ini adalah kerana anak kecil mudah belajar sekiranya mereka melihat sesuatu yang konkrit. Ini disebabkan golongan anak kecil seusia itu belum cukup matang untuk menerima rangsangan maklumat atau arahan yang abstrak. Sebenarnya kepentingan penggunaan *flashcard* ataupun kad imbasan sebagai salah satu bahan pengajaran *flashcard* adalah selari dengan cara otak anak kecil belajar terutama otak kanan yang bersifat holistik.

Untuk mewujudkan *Arabic Smart Reader* ini, pengkaji mewujudkan kod QR di *flashcard* tersebut yang membolehkan para guru dan juga ibubapa mengimbas dengan mudah tidak kira di tadika mahupun rumah dengan hanya menggunakan telefon pintar sahaja. *Arabic Smart Reader* bukan sekadar *flashcard* biasa yang terdapat di pasaran. Ini kerana pihak pengkaji telah membuat penambahan kepada alat tersebut seperti kad yang menarik, paparan video animasi di *YouTube* dan terjemahan perkataan Bahasa Arab. Antara kebaikan ataupun kelebihan *Arabic*

Smart Reader adalah mudah diingat kerana mempunyai kad bergambar dan sangat menarik perhatian, mengandungi huruf yang mudah dibaca sehingga dapat merangsang otak murid untuk mengingat mesej dengan lebih lama. Seterusnya, kelebihan yang dikhaskan kepada para guru untuk digunakan sebagai bahan pengajaran tambahan di Tadika Anggerik Biru adalah pembelajaran menggunakan *flashcard* boleh membantu merangsang perkembangan otak murid-murid. Kedua-dua bahagian otak memainkan peranan tersendiri iaitu otak kiri ditajamkan melalui bahasa manakala otak kanan dapat diperkukuhkan melalui gambar yang terdapat di video tersebut. Selain itu, murid-murid dapat menyerap maklumat dengan lebih baik. Ini demikian kerana Bahasa Arab sukar difahami semasa proses pembelajaran berlaku maka *Arabic Smart Reader* ini dapat membantu dan menarik minat murid mempelajari Bahasa Arab dengan mudah.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini menunjukkan hasil dapatan daripada kajian yang telah dilaksanakan bagi merialisasikan produk inovasi yang telah dihasilkan serta terdapat beberapa perbincangan yang merangkumi daripada kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 Projek Jenis Nyata

Bagi menjayakan penghasilan *Arabic Smart Reader*, beberapa perkara utama telah disentuh untuk mendapatkan data dan menganalisis produk tersebut. Antara perkara tersebut adalah analisis keberkesanaan produk di mana pengkaji telah menyatakan item soalan yang diedarkan kepada responden untuk menguji keberkesanaan *Arabic Smart Reader*. Seterusnya, pengkaji menjalankan kaedah analisis SWOT pada produk inovasi untuk menentukan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Untuk menjalankan uji kaji, pengkaji membuat soal selidik daripada pihak responden melalui *google form*. Keputusan yang terhasil selepas pengujian *Arabic Smart Reader* akan dianalisis dan dibaikpulih untuk memantapkan lagi produk tersebut. Cadangan penggunaan kaedah-kaedah yang lain juga telah digunakan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Akhir sekali, hasil keputusan adalah bergantung kepada beberapa banyak maklumat yang telah dibentangkan. Contohnya, dari segi kos, masa, produktiviti, atau sebagainya yang biasanya diringkaskan dalam bentuk jadual.

a) **Analisis SWOT**

Projek yang dijalankan ini melibatkan analisis SWOT pada produk. Terdapat empat analisis SWOT pada produk setelah pengkaji mencipta produk *Arabic Smart Reader* iaitu kekuatan, kelemahan.

<p><i>Strenghts</i> (Kekuatan)</p>	<p>Kekuatan produk <i>Arabic Smart Reader</i> ini ialah dapat meningkatkan daya ingatan dan merangsang otak kanan. <i>Arabic Smart Reader</i> ini juga mampu menyimpan maklumat dengan lebih lama dengan rangsangan visual dan pendengaran. Seterusnya dapat memupuk “<i>active recall</i>” bagi melatih otak untuk mengingati maklumat dengan tepat dan pantas. Selain itu, kos yang dikenakan sangat murah untuk menerbitkan produk <i>Arabic Smart Reader</i> tersebut.</p>
<p><i>Weaknesses</i> (Kelemahan)</p>	<p>Kelemahan produk <i>Arabic Smart Reader</i> ini ialah sukar untuk memaparkan gerakan dalam media dan tanpa penjagaan yang baik, <i>Arabic Smart Reader</i> akan cepat rosak dan hilang. Selain itu, ejaan yang salah pada kad imbasan tidak dapat dibetulkan.</p>
<p><i>Opportunities</i> (Peluang)</p>	<p>Peluang produk <i>Arabic Smart Reader</i> ini ialah industri buku mula tergugat kerana kanak-kanak akan lebih memilih <i>Arabic Smart Reader</i> daripada buku lain yang ada di pasaran oleh kerana <i>Arabic Smart Reader</i> lebih senang dan cepat untuk dipelajari. Murid-murid juga tidak perlu bersusah payah membawa buku yang tebal kerana <i>Arabic Smart Reader</i> sangat ringan dan saiz yang bersesuaian untuk dibawa dan digunakan walau dimana mereka berada.</p>
<p><i>Threats</i> (Ancaman)</p>	<p>Ancaman produk <i>Arabic Smart Reader</i> ini ialah orang akan mudah meniru produk yang dicipta oleh pengkaji kerana <i>Arabic Smart Reader</i> ini menggunakan teknologi pintar dan semuanya berada di hujung jari sahaja. Orang akan mengambil semua maklumat dan idea yang telah pengkaji cipta tanpa mengubahnya dan mengaku bahawa produk tersebut mereka yang cipta.</p>

Jadual 4.1 Dapatan kajian yang menggunakan analisis SWOT

b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 20 responden. Sebanyak tujuh item soalan telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tentang penghasilan produk *Arabic Smart Reader*.

Bil	Item soalan	Setuju	Tidak setuju
1	Saiz tulisan dan gambar haiwan jelas dan menarik	20	0
2	Perkataan senang disebut	19	1
3	Warna dan latar belakang yang digunakan menarik	20	0
4	<i>Arabic Smart Reader</i> dapat menarik minat murid tadika	20	0
5	<i>Arabic Smart Reader</i> mudah untuk digunakan	20	0
6	<i>Arabic Smart Reader</i> membantu pembelajaran murid tadika	20	0
7	<i>Arabic Smart Reader</i> sangat sesuai dijadikan bahan bantu belajar	20	0

Jadual 4.2 Dapatan analisis keberkesanan produk *Arabic Smart Reader*

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPAI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

4.3.1 Kelebihan

Antara kelebihan *Arabic Smart Reader* ialah barangan penyediaan mudah diperolehi dan murah. Barangan untuk membangunkan produk ini adalah mudah didapati di luar contohnya kertas keras, mesin pencetak, dan lain-lain lagi. Selain itu, harga barangan ini murah dan mampu di tampung oleh pihak pengkaji. Pengkaji tidak perlu mengeluarkan modal yang banyak untuk mendapatkan kesemua barangan ini. Kami hanya perlu mencari di kedai runcit mahupun kedai elektronik sahaja. Seterusnya, gambar kartun dan perkataan dalam terjemahan Bahasa Arab

diambil dari aplikasi *Google*. Semua gambar kartun haiwan, latar belakang berserta perkataan Arab di dalam *Arabic Smart Reader* adalah diambil daripada sumber *Google* sahaja dan diolah menjadi video animasi untuk dipaparkan di *Youtube*. Akhir sekali, video terjemahan di *Youtube* menggunakan suara pihak pengkaji. Pihak pengkaji hanya perlu merekod suara sendiri dalam menyebut perkataan bahasa Melayu ke Bahasa Arab lalu memuat naik video tersebut ke dalam aplikasi *YouTube*.

4.3.2 Kekurangan

Antara kekurangan *Arabic Smart Reader* ialah imbasan kod QR memerlukan data internet disebabkan video animasi tersebut perlu diakses melalui aplikasi *YouTube*, maka penggunaan data diperlukan untuk membuka video tersebut. Ini agak merumitkan terutama kepada golongan ibu bapa sekiranya ingin mengajar menggunakan *Arabic Smart Reader* kepada anak mereka di rumah.

4.3.3 Masalah

Antara masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk inovasi ialah sukar menyunting video animasi dan *flashcard*. Untuk menghasilkan *flashcard* yang menarik, pihak pengkaji mengambil masa yang lama untuk menyunting menjadikan sebuah video daripada gambar kartun berkenaan yang diambil daripada aplikasi *Google*.

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Harga untuk *Arabic Smart Reader* sangat murah dan berpatutan serta mampu milik dibandingkan dengan bahan belajar lain yang ada dipasaran. Kebiasaannya, harga bahan mengajar lain boleh mencecah belasan dan puluhan ringgit manakala untuk harga *Arabic Smart*

Reader tidak mencecah sepuluh ringgit. Dengan harga semurah itu pembeli akan mendapat 5 keping *flashcard* disertakan dengan kod QR yang dapat memaparkan video animasi tentang pengajaran yang sama seperti dalam *flashcard* tersebut.

b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan *Arabic Smart Reader* ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi tempoh pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya bahan mengajar *Arabic Smart Reader* ini, pelajar akan mengambil masa yang lebih cepat untuk mengingat perkataan dibandingkan dengan pengajaran bersumberkan buku kerana teknik penggunaan *flashcard* amat berkesan untuk daya ingatan kanak-kanak.

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan *Arabic Smart Reader* dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pihak guru dan ibu bapa serta pelajar. Ini kerana *Arabic Smart Reader* amat mudah digunakan dan dibawa di mana sahaja. Selain itu, pelajar boleh belajar dengan menggunakan *Arabic Smart Reader* dimana-mana sahaja mereka berada mahupun di dalam rumah atau di luar rumah.

ASPEK	SEBELUM	SELEPAS
Kecekapan	Memuaskan	Sangat memuaskan
Kemudahan	Memuaskan	Sangat memuaskan

Jadual 4.3 Kecekapan dan kemudahan *Arabic Smart Reader*

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses penghasilan *flashcard*.

BIL.	BUTIRAN	KOS (RM)
1	Kertas A4	RM 2.00
2	Kertas lamina plastik	RM 4.00
3	Kos printing	RM 2.00
	Jumlah kos (seunit)	RM 1.60
	Jumlah kos (5 unit)	RM 8.00

Jadual 4.4 Jumlah kos yang digunakan

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk *Arabic Smart Reader* yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu Bahasa Arab. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah berjaya menghasilkan sebuah alternatif yang dapat membantu kanak-kanak di tadika mengetahui perkataan Bahasa Arab dengan lebih mudah. Seterusnya, kajian ini telah mencapai matlamat kajian, dengan menjawab persoalan kajian dari borang soal selidik yang telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Seterusnya, bagi hasil dari dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor tentang isu kurang pengetahuan tentang penggunaan perkataan Bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak. Di samping itu, kurang penggunaan perkataan Bahasa Arab turut memberi kesan terhadap pengetahuan tentang ilmu agama.

Seterusnya, terdapat beberapa proses semasa membangunkan produk yang bertujuan untuk memberi inisiatif kepada pengguna dalam menggunakan *Arabic Smart Reader* iaitu sebuah *flashcard* dan ia turut mempunyai tujuh langkah untuk membentuk produk inovasi kajian. Setiap fasa pembentukan produk telah diulas dengan lebih lanjut bagi setiap langkah yang dilakukan oleh pengkaji. Namun begitu bagi menghasilkan inovasi yang berkesan, produk yang dibuat akan diambil kira dari pelbagai faktor antaranya melalui aplikasi atas talian mengikut peredaran teknologi semasa yang semakin canggih yang dapat membolehkan kanak-kanak untuk menggunakan *Arabic Smart Reader* dengan lebih mudah.

Projek ini juga menunjukkan hasil yang positif daripada responden. Para responden menyatakan bahawa dengan adanya *Arabic Smart Reader* yang mempunyai gambar dan video animasi yang menterjemahkan perkataan Bahasa Melayu kepada Bahasa Arab dapat menarik minat kanak-kanak dalam mengingat dan menghafal perkataan Bahasa Arab dengan lebih mudah. Akhir sekali, pengkaji berharap usaha dalam membangunkan *Arabic Smart Reader* ini dapat membantu kanak-kanak dalam meningkatkan daya pengetahuan mereka.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pelajar Tadika Anggerik Biru, guru dan ibubapa serta pengkaji pada masa akan datang.

5.3.1 Cadangan kepada murid Tadika Anggerik Biru

Murid tadika haruslah sentiasa rajin membaca dan berusaha dengan gigih dalam mempelajari Bahasa Arab kerana kesungguhan murid sendiri menjadi faktor dalam kejayaan mereka dan murid perlu mempunyai inisiatif untuk melakukan sesuatu benda. Selain itu, murid tadika juga harus mendekati diri mereka dengan pelbagai bacaan mahupun cerita yang berkaitan dengan Bahasa Arab kerana lama kelamaan mereka akan terbiasa dan mengetahui perkataan dalam Bahasa Arab. Pendedahan yang lebih mendalam kepada penggunaan Bahasa Arab akan mempercepatkan lagi proses penguasaan bahasa tersebut. Seterusnya, murid tadika perlu memberi kerjasama dan membantu guru ketika sesi pembelajaran dijalankan agar apa yang mereka pelajari dapat difahami dengan baik.

5.3.2 Cadangan kepada guru dan ibu bapa

Guru perlu memperbanyakkan aktiviti di dalam kelas dengan memikirkan kreativiti masing-masing supaya dapat menarik perhatian dan minat pelajar untuk mendalami Bahasa Arab. Guru juga boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif dengan menggunakan teknologi agar murid tadika tidak ketinggalan dan lebih bersemangat. Seterusnya, guru perlu mempunyai sikap tidak berputus asa sekiranya ada murid yang menunjukkan perasaan seperti tidak berminat untuk belajar. Ini kerana pemikiran guru akan mempengaruhi dan memberi kesan

kepada murid itu sendiri. Selain itu, ibu bapa juga perlu memberi pendedahan tentang Bahasa Arab kepada anak mereka ketika berada di rumah dan tidak menyerahkan sepenuhnya tugas mengajar anak mereka kepada pihak sekolah. Ibu bapa perlu memberi galakkan kepada anak mereka untuk mempelajari Bahasa Arab dengan membelikan buku-buku atau menghantar ke tuisyen Bahasa Arab.

5.3.3 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang

Pengkaji memberi cadangan agar pengkaji pada masa akan datang menambahkan lagi bilangan responden dengan jumlah yang besar dan meningkatkan lagi kepada pelajar peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Selain itu, melakukan kajian di sekolah-sekolah dalam perkampungan supaya mereka tidak ketinggalan dan juga mengetahui akan kelebihan penggunaan teknologi moden yang boleh digunakan dalam aktiviti pembelajaran. Selain itu, pengkaji bercadang supaya berfokuskan lebih daripada satu mata pelajaran untuk menguji keberkesanan kajian contohnya bahasa Inggeris dan Mandarin. Akhir sekali, pengkaji bercadang untuk menjalankan kajian dalam tempoh yang lebih panjang untuk membantu dan menilai sejauh mana tahap keberkesanan kajian kepada responden kajian.

5.4 LIMITASI PROJEK

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan sebuah syarikat milikan tunggal sahaja. Skop projek ini hanya tertumpu kepada perniagaan-perniagaan kecil seperti perniagaan bahan pengajaran dan pembelajaran tambahan. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan penggunaan sistem pengurusan pangkalan data perniagaan bahan pengajaran dan pembelajaran tambahan iaitu kos yang agak tinggi menjadi penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di tempat-tempat yang lebih luas dalam mencapai objektif kajian yang pengkaji jalankan.

5.5 RUMUSAN

Objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu mengenal pasti masalah murid tadika mengingati dan menghafal perkataan dalam Bahasa Arab dengan lebih mudah dan juga mencadangkan *flashcard* beserta kod QR yang memaparkan video animasi dalam menterjemahkan Bahasa Arab sebagai bahan pelajaran tambahan kepada guru dan ibubapa untuk menarik minat murid tadika telah tercapai.

RUJUKAN

Akta Universiti dan Kolej Universiti; Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Statut Universiti Pertanian Malaysia (Lembaga Kediaman Pelajar) 1978. Ppuu.upm.edu.my. (1978). Retrieved 29 April 202.

Daeng, P. S. P. (1998, September 1). *Kolej Kediaman Pelajar*. Portal Rasmi Politeknik Seberang Perai - Portal Rasmi Politeknik Seberang Perai. http://www.psp.edu.my/pspweb/index.php?option=com_content&view=article&layout=edit&id=220&lang=en.

Mohd Asmedi Bin Yaacob, & Zurina Binti Yasak. (2008, October 22). *Pengaruh Penginapan ke Atas Disiplin Pelajar Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Microsoft Word - Pengaruh Penginapan ke Atas Disiplin Pelajar Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Tn. Hj. Wan Zulkifly Bin Wan Zakaria (BPPel) (Ed.). (2018, March 1). *BUKU GARIS PANDUAN PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK MALAYSIA*. 258-buku-garis-panduan-pengurusan-kolej-kediaman-malaysia. <https://ptsb.mypolycc.edu.my/index.php/ms/diisiplin-pelajar/send/80-diisiplin-pelajar/258-buku-garis-panduan-pengurusan-kolej-kediaman-politeknik-malaysia>.

LAMPIRAN

Arabic Smart Reader



DPB6043 BUSINESS PROJECT

ARABIC SMART READER



SOAL SELIDIK


- 1) Adakah penting dalam mempelajari Bahasa Arab bermula pada peringkat rendah?
- 2) Adakah anak anda mengetahui tentang perkataan dalam terjemahan Bahasa Arab?
- 3) Adakah Bahasa Arab mudah difahami semasa proses pembelajaran berlaku?
- 4) Adakah anda bersetuju penghasilan video dapat menarik minat murid tadika daripada kebosanan?
- 5) Pada pendapat anda, adakah penghasilan flash card dapat membantu murid dalam proses pembelajaran di kelas?

DPB6043 BUSINESS PROJECT
ARABIC SMART READER
SOAL SELIDIK

- 1) Saiz tulisan dan gambar haiwan jelas dan menarik
- 2) Perkataan senang disebut
- 3) Warna dan latarbelakang yang digunakan menarik
- 4) *Arabic Smart Reader* dapat menarik minat pelajar
- 5) *Arabic Smart Reader* mudah untuk digunakan
- 6) *Arabic Smart Reader* membantu pembelajaran pelajar tadika
- 7) *Arabic Smart Reader* sangat sesuai dijadikan bahan bantu belajar







Arabic Smart Reader : Kami Sayang Haiwan (Lembu) 14 views · 7 days ago

Try YouTube Kids An app made just for children. **OPEN APP**

1 Dislike Share Download Save

Arabic Smart Reader 5 subscribers **SUBSCRIBED**

Comments are turned off. [Learn more](#)

